



# 2

## Pengurusan Ekonomi Malaysia Pada Tahun 1999

### Tinjauan Keseluruhan

**S**emasa pembentangan Belanjawan 1999 pada 23 Oktober 1998, terdapat tanda-tanda bahawa langkah-langkah yang dilaksanakan oleh Kerajaan terutama sejak bulan September 1998 untuk mencergaskan semula ekonomi, memperkukuhkan sistem perbankan dan melindungi ekonomi negara daripada kesan penularan krisis kewangan serantau yang tercetus sejak pertengahan tahun 1997, telah mula membawa kesan positif kepada ekonomi negara. Ketika itu, ekonomi negara dijangka pulih sebanyak 1% pada tahun 1999, dengan didorong oleh eksport selaras dengan pemulihan perdagangan dunia serta permintaan dalam negeri yang disokong oleh rangsangan fiskal dan kewangan. Namun, masih wujud risiko yang boleh melembapkan ekonomi negara kerana persekitaran luaran yang tidak menentu yang boleh memanjangkan krisis kewangan serantau atau menjadikannya lebih buruk. Ini disebabkan oleh kurangnya usaha gigih di peringkat antarabangsa untuk menangani krisis kewangan tersebut secara berkesan.

Justeru itu, Kerajaan telah meneruskan usaha bagi mencergaskan semula ekonomi dengan melaksanakan Pelan Pemulihan Ekonomi Negara yang diperakukan oleh Majlis Tindakan Ekonomi Negara, memandangkan persekitaran antarabangsa yang tidak menentu dan perlunya menghindari ekonomi negara daripada kemelesetan. Jika kemelesetan berpanjangan, ianya boleh menimbulkan kesan buruk ke atas kedudukan kewangan sektor korporat, kestabilan sistemik sistem perbankan dan kesejahteraan sosio-ekonomi rakyat. Oleh demikian, teras utama Belanjawan 1999 adalah bertujuan mempercepatkan proses pemulihan ekonomi negara. Ini dilakukan terutamanya dengan merangsangkan permintaan dalam negeri melalui

peningkatan peruntukan belanjawan, kaedah percukaian yang sesuai, pengukuhan jentera Kerajaan supaya pelaksanaan projek dapat disegerakan dan dasar kewangan yang longgar. Bagi memastikan inisiatif-inisiatif dasar ini tidak terjejas oleh perkembangan luar, ekonomi negara perlu terus dilindungi daripada kesan penularan krisis kewangan serantau dan antarabangsa. Justeru itu, penetapan nilai ringgit kepada dolar Amerika Syarikat dan kawalan modal terpilih perlu terus dikekalkan bagi membolehkan Malaysia meneruskan dasar kewangannya secara bebas untuk menyokong pemulihan ekonomi serta memastikan kestabilan pasaran kewangan. Namun begitu, kawalan modal terpilih telah dilonggarkan mulai 15 Februari 1999 dengan pengenalan levi keluar berperingkat bagi menggantikan syarat pemegangan dana portfolio selama setahun, berikutan pengukuhan ketara kedudukan rizab luar negara. Levi berperingkat ini merupakan sistem levi dua tahap, iaitu pengenaan levi sebanyak 30% ke atas keuntungan yang diperolehi dan dihantar keluar dalam tempoh setahun, dan levi sebanyak 10% ke atas keuntungan yang dihantar keluar selepas setahun. Sistem levi berperingkat ini bertujuan untuk menggalakkan pelabur membuat pelaburan portfolio di Malaysia bagi jangka masa yang lebih panjang. Namun demikian, sistem levi berperingkat ini telah menimbulkan masalah kepada pengurus-pengurus dana asing dalam pengiraan harga dan menentukan jumlah levi berkaitan dengan pelaburan mereka. Kerajaan peka kepada permasalahan ini. Justeru itu, berkuatkuasa 21 September 1999, Kerajaan telah memperkenalkan levi serata sebanyak 10% ke atas keuntungan pelaburan portfolio yang dihantar ke luar negeri bagi menggantikan sistem levi berperingkat. Perubahan ini mengurangkan kadar levi dan memudahkannya diuruskan serta menangani semua masalah pentadbiran yang dibangkitkan oleh pengurus-pengurus dana asing.

Sementara usaha mencergaskan semula ekonomi negara menjadi teras utama dasar makroekonomi pada tahun 1999, Kerajaan sedar usaha ini perlu disertai dengan langkah-langkah tambahan bagi mengukuhkan lagi daya tahan negara dalam menghadapi risiko sistemik serta meningkatkan daya saing negara di peringkat antarabangsa. Oleh itu, Kerajaan telah mempercepatkan penstrukturan semula sistem perbankan bagi memastikan keteguhan dan kekukuhan sektor tersebut dalam menghadapi risiko sistemik serta berkeupayaan menyokong pemulihan ekonomi. Pengurusan Danaharta Nasional Berhad (Danaharta), Danamodal Nasional Berhad (Danamodal) dan Jawatankuasa Penyusunan Semula Hutang Korporat (CDRC) yang ditubuhkan pada bulan Jun dan Ogos 1998 telah memainkan peranan penting dalam memperkukuh dan memastikan sistem perbankan dapat terus menjalankan fungsi perantaraan dengan lebih berkesan bagi memulihkan ekonomi negara. Menjelang akhir Jun 1999, Danaharta telah menyelesaikan tugas utamanya dalam membeli hutang tidak berbayar (NPL) sistem perbankan. Manakala, Danamodal telah menyempurnakan tugas mempermodalkan semula institusi perbankan. CDRC juga mencapai kemajuan dalam menyelaras dan mempercepatkan penyelesaian hutang korporat berasaskan pertimbangan kepentingan bersama pihak pemiutang dan siberhutang, agar perniagaan berdaya maju yang mengalami masalah mudah tunai dapat terus memperolehi pembiayaan.

Krisis kewangan serantau baru-baru ini telah menampakkan risiko akibat pergantungan yang keterlaluan terhadap sistem perbankan dalam pembiayaan aktiviti ekonomi khususnya sektor hartanah, termasuk projek-projek besar penswastan yang sebahagiannya dibiayai melalui pinjaman jangka pendek. Pergantungan ini menyebabkan pertumbuhan pinjaman bank yang ketara, iaitu pada kadar purata 25% sebelum tercetus krisis kewangan. Akibatnya, NPL meningkat dengan ketara apabila krisis tercetus. Para peminjam telah menghadapi masalah mudah tunai akibat panggilan margin berikutan susutan kualiti cagaran disebabkan oleh kejatuhan harga aset, kadar faedah yang tinggi sebelum September 1998 serta aliran pendapatan yang tidak setimpal dengan bayaran tanggungan bagi peminjam yang menggunakan pinjaman jangka pendek untuk membiayai pelaburan jangka panjang. Sebab utama berlakunya pergantungan keterlaluan terhadap sektor perbankan sebagai sumber

pembiayaan adalah disebabkan oleh perkembangan pasaran bon yang lembab, akibat beberapa halangan termasuk proses kelulusan berperingkat yang melibatkan lebih daripada satu pihak berkuasa. Justeru itu, sebagai satu langkah awal bagi menyusun semula rangka kerja pengawasan pasaran bon, Kerajaan, pada 7 September 1999, telah memutuskan supaya pengawasan dan penyeliaan pasaran bon korporat di Malaysia hanya dilaksanakan oleh Suruhanjaya Sekuriti. Selanjutnya, satu Jawatankuasa Pasaran Bon Nasional telah ditubuhkan untuk meneraju usaha pembangunan pasaran bon korporat di Malaysia.

Satu isu yang telah menjejaskan keyakinan pelabur semasa krisis kewangan berlaku adalah mengenai keutuhan pasaran modal. Bagi menangani permasalahan ini, isu-isu berkaitan pengurusan korporat dan ketelusan telah ditangani. Pada 25 Mac 1999, Laporan Mengenai Pengurusan Korporat yang disediakan oleh Jawatankuasa Kewangan Peringkat Tertinggi telah diterima dan diumumkan oleh pihak Kerajaan. Laporan tersebut, antara lain, menggariskan prinsip-prinsip dan amalan-amalan terbaik bagi pengurusan yang baik serta perakuan-perakuan untuk memperkukuhkan keseluruhan rangka kerja pengawalseliaan bagi syarikat-syarikat yang disenaraikan. Bagi mengatasi isu ketelusan pasaran modal, Suruhanjaya Sekuriti telah mempercepatkan pelaksanaan tiga fasa sistem pengawalseliaan penzahiran maklumat. Sistem ini bertujuan meningkatkan penzahiran maklumat yang disiarkan oleh pihak syarikat, memperbaiki kualiti, ketepatan masa dan kesesuaian maklumat serta meningkatkan akauntabiliti di kalangan peserta pasaran.

Dalam mengatasi masalah Pepijat Alaf Baru atau Tahun 2000 (Y2K), Kerajaan telah memastikan sistem kewangan negara adalah selaras dengan pematuhan Y2K. Menjelang akhir bulan Ogos 1999, semua bank dan industri insurans, institusi pasaran modal serta institusi perantaraan sudah melaksanakan sistem persediaan Y2K.

Inisiatif dasar yang dilaksanakan oleh Kerajaan telah membawa kesan positif. Pemulihan ekonomi semakin kukuh pada suku kedua tahun 1999, manakala keyakinan pengguna dan pelabur bertambah baik. Imbangan perdagangan luar terus mencatat lebihan yang besar bagi 22 bulan secara berturut-turut sejak November 1997 hingga Ogos

1999. Lebih ini membolehkan kedudukan rizab luar negara terus meningkat dan daya tahan ekonomi terus kukuh. Nisbah modal berwajaran risiko bagi sistem perbankan telah bertambah tinggi, manakala paras NPL berada pada paras yang terkawal.

## **Dasar Fiskal**

### **Asas-asas Pertimbangan Dasar**

Semasa Belanjawan 1999 digubal pada bulan Oktober 1998, isu utama yang perlu ditangani ialah kuncupan ekonomi benar yang ketara bagi tempoh tiga suku pertama tahun 1998 akibat kesan penularan krisis kewangan serantau. Justeru itu, tumpuan Belanjawan 1999 adalah untuk melindungi ekonomi daripada terperangkap ke dalam kitaran kemelesetan yang berpanjangan. Pada masa yang sama, dorongan perlu disediakan untuk menghalakan ekonomi ke arah pertumbuhan yang mapan. Oleh itu, dasar Belanjawan pengembangan telah dirancang pada tahun 1999 untuk menyediakan rangsangan fiskal bagi mencergaskan semula ekonomi negara. Dasar Belanjawan yang ketat ketika ekonomi negara mengalami kesan kemelesetan akibat krisis kewangan adalah tidak sesuai diamalkan kerana ia akan menyebabkan ekonomi negara terus menguncup. Justeru itu, strategi yang diambil bagi mengekalkan lebihan fiskal semasa pembentangan Belanjawan tahun-tahun kebelakangan ini perlu diketepikan. Memandangkan perbelanjaan perlu ditingkatkan bagi tahun 1999 untuk memulihkan semula aktiviti ekonomi, maka Belanjawan defisit telah dirancang bagi tahun tersebut. Defisit ini mengambilkira jangkaan penurunan kutipan hasil berikutan kutipan cukai langsung yang mungkin berkurangan pada tahun 1999 akibat penguncupan ekonomi yang ketara pada tahun 1998. Sementara objektif utama Belanjawan 1999 ialah memulihkan aktiviti ekonomi, langkah-langkah yang diperkenalkan dalam Belanjawan tersebut juga bertujuan mengukuhkan lagi daya tahan dan daya saing ekonomi, menyusun semula sektor kewangan, memperbaiki pengurusan sektor awam dan swasta, mengukuhkan imbalan pembayaran dan memastikan kesejahteraan sosial rakyat.

Dalam menentukan saiz belanjawan yang berupaya meningkatkan pertumbuhan, beberapa pertimbangan telah diambilkira. Pertama, akaun semasa kewangan Kerajaan Persekutuan mestilah

sekurang-kurangnya berada dalam keadaan seimbang. Ini merupakan asas utama bagi pengurusan fiskal yang berhemat. Justeru itu, perbelanjaan mengurus yang diperuntukkan dalam Belanjawan 1999 hanya dibenarkan meningkat sehingga 1%. Kedua, laluan sektor swasta dalam memperolehi sumber pembiayaan perlu terpelihara. Ini memerlukan kesederhanaan dalam mengembangkan saiz belanjawan kerana semasa pembentangan Belanjawan 1999, keadaan tidak mengizinkan defisit dibiayai daripada punca luar pada kos yang munasabah. Ketiga, defisit fiskal keseluruhan perlu dikekalkan pada tahap yang mapan supaya nisbah khidmat hutang luar negara kekal dalam lingkungan tahap yang berhemat. Oleh itu, semasa pembentangan Belanjawan pada bulan Oktober 1998, defisit yang bersamaan dengan 6% daripada KNK telah dirancang bagi tahun 1999, dengan peruntukan perbelanjaan pembangunan sebanyak RM18 bilion. Ini perlu untuk mengekalkan nisbah khidmat hutang luar negara pada kadar 6%.

Dengan pemulihan ekonomi pada tahun 1999 lebih kukuh daripada pertumbuhan 1% yang dijangkakan sebelum ini, jumlah hasil yang dapat dikutip turut melebihi jumlah yang dijangkakan. Hakikat ini memberi ruang untuk meningkatkan lagi saiz rangsangan fiskal bagi mencergaskan semula ekonomi tanpa melampaui saiz keseluruhan defisit fiskal sebanyak 6% daripada KNK yang ditetapkan sebelum ini. Oleh demikian, peruntukan perbelanjaan mengurus pada tahun 1999 telah ditambah sebanyak 4% kepada RM48.9 bilion daripada RM47 bilion yang diperuntukkan sebelum ini. Sementara perbelanjaan pembangunan pula ditambah sebanyak 44.1% daripada RM18 bilion yang diperuntukkan sebelum ini kepada RM26 bilion.

### **Keutamaan Peruntukan Belanjawan**

Sejajar dengan strategi Belanjawan 1999 untuk memulihkan aktiviti ekonomi, sebanyak 50.9% daripada perbelanjaan pembangunan telah diperuntukkan kepada sektor ekonomi. Bagi memastikan perbelanjaan pembangunan dapat menyediakan rangsangan maksimum kepada pertumbuhan ekonomi, projek yang akan dilaksanakan perlu mempunyai rangkaian ekonomi yang kukuh serta mempunyai kandungan import yang minimum. Selain daripada itu, projek tersebut hendaklah mempunyai tempoh pulangan yang singkat dan berkeupayaan untuk mempertingkatkan

kecekapan ekonomi. Dengan demikian, sebahagian besar daripada perbelanjaan pembangunan, iaitu sebanyak RM7.9 bilion, telah diperuntukkan kepada projek-projek infrastruktur termasuk di luar bandar seperti pembinaan jalan raya, jambatan, rel, pelabuhan serta utiliti dan infrastruktur pertanian.

Pembangunan sumber manusia perlu ditingkatkan untuk mencergaskan pembangunan sosio-ekonomi. Justeru itu, sebanyak RM4 bilion atau 16% daripada jumlah belanjawan telah diperuntukkan untuk pelaburan modal sumber manusia terutamanya bagi tujuan mengembangkan dan menaiktaraf infrastruktur dan kemudahan sokongan pendidikan. Peruntukan yang besar ini adalah selaras dengan dasar Kerajaan untuk menjadikan Malaysia sebagai pusat pendidikan yang terunggul. Ia juga sejajar dengan usaha menggalakkan lebih ramai rakyat Malaysia melanjutkan pelajaran dalam negara dan menarik pelajar asing melanjutkan pelajaran di Malaysia, dengan tujuan memperbaiki kedudukan akaun perkhidmatan imbalan pembayaran. Di samping itu, hampir RM1 bilion diperuntukkan bagi perkhidmatan kesihatan dan perubatan untuk menjamin rakyat terus sihat dan produktif.

Belanjawan 1999 juga mengambil kira keperluan golongan berpendapatan rendah dan golongan yang memerlukan bantuan, peniaga-peniaga kecil serta isu-isu berkaitan dengan perumahan, alam sekitar, program pembasmian kemiskinan dan usaha mewujudkan masyarakat penyayang. Memandangkan wujudnya berbagai isu yang perlu ditangani, agihan peruntukan belanjawan perlu dibuat dengan cermat berasaskan keutamaan dan sumber yang sedia ada.

### **Mempercepatkan Pelaksanaan Projek**

Dalam mencergaskan pertumbuhan ekonomi, pelaksanaan projek yang telah diberi peruntukan belanjawan pada tahun 1999 perlu dipercepatkan. Kelewatan pelaksanaan projek boleh menyebabkan ekonomi ketiadaan rangsangan yang diperlukan bagi menjana pertumbuhan ekonomi. Isu ini begitu nyata apabila defisit belanjawan 1998 adalah lebih kecil (1.9% dari KNK) daripada defisit 3.7% yang dijangkakan semasa Kerajaan menambah peruntukan sebanyak RM7 bilion pada bulan Julai 1998. Kekurangan perbelanjaan pada tahun 1998 adalah hampir 20%. Sungguhpun sebahagiannya disebabkan oleh tambahan peruntukan pada bulan

Julai 1998, kurang belanja ini adalah juga disebabkan oleh kurang penyelarasan dan pemantauan serta karenah prosedur. Justeru, Kerajaan telah mengambil beberapa langkah untuk mempercepatkan pelaksanaan projek pada tahun 1999. Langkah-langkah ini termasuk pengawasan rapi pelaksanaan projek di peringkat Kementerian bagi mengelakkan serta mengatasi kelewatan, mengemukakan laporan bulanan mengenai pencapaian pelaksanaan projek oleh Unit Penyelarasan Pelaksanaan kepada Jemaah Menteri untuk penelitian, serta mengubah prosedur berkaitan dengan tender dan perolehan untuk mempercepatkan pelaksanaan. Bagi projek-projek yang lambat dilaksanakan, sumber pembiayaannya telah dipindahkan kepada projek-projek kecil yang dapat dilaksanakan segera. Hasil daripada langkah-langkah ini, sebanyak 61% daripada perbelanjaan pembangunan yang diperuntukkan pada tahun 1999 telah dibelanjakan pada akhir bulan September 1999 berbanding 3.7% pada akhir bulan Mac tahun yang sama.

### **Langkah Percukaian**

Dari segi dasar percukaian, langkah-langkah yang diperkenalkan semasa pembentangan Belanjawan 1999 bertujuan memperkemas sistem pengurusan cukai, memulihkan ekonomi, memudahkan penstrukturan semula sektor kewangan, memperkukuhkan kedudukan imbalan pembayaran serta meningkatkan hasil. Dalam memperkemas sistem pengurusan cukai, taksiran cukai pendapatan berasaskan pendapatan yang diterima pada tahun sebelumnya akan diubah kepada tahun semasa bermula daripada tahun 2000. Pada masa yang sama, pendapatan yang diterima dalam tahun 1999 akan dikecualikan daripada cukai pendapatan dan kerugian yang dialami pada tahun 1999 dibenarkan dibawa ke tahun berikutnya. Sistem taksiran sekarang yang berasaskan Sistem Taksiran Formal juga akan ditukar kepada Sistem Taksiran Sendiri secara berperingkat, iaitu : pelaksanaan pada tahun 2001 bagi syarikat; tahun 2003 bagi perniagaan, perkongsian serta koperasi; dan tahun 2004 bagi golongan berpendapatan penggajian.

Sistem taksiran terbaru ini saling menguntungkan pembayar cukai dan Kerajaan. Berikutan penguncupan ekonomi pada tahun 1998, banyak syarikat menghadapi kesukaran membayar cukai pendapatan pada tahun tersebut disebabkan



bayaran cukai mereka telah diasaskan kepada pendapatan pada tahun 1997 yang lebih tinggi semasa keadaan ekonomi lebih baik. Di bawah sistem taksiran baru, bayaran cukai pendapatan adalah berasaskan kepada kemampuan semasa pembayar cukai membuat bayaran. Sistem ini akan meringankan beban kewangan pembayar cukai terutamanya dalam situasi pendapatan pembayar cukai berkurangan. Pada masa yang sama, dengan peningkatan kemampuan pembayar cukai membuat bayaran, hasil Kerajaan akan kurang terjejas oleh ketidakpatuhan pembayar cukai dalam membuat bayaran.

Bagi menyokong pemulihan aktiviti ekonomi, suratacara perjanjian yang dahulunya memerlukan duti setem bagi pembiayaan semula pinjaman perniagaan telah dikecualikan daripada duti tersebut. Pengecualian ini akan menyumbang kepada penurunan kos perniagaan. Sebagai langkah memperkembangkan unit amanah, pendapatan faedah daripada unit amanah adalah dikecualikan daripada cukai pendapatan berkuatkuasa mulai tahun taksiran 1999. Bagi industri insurans hayat, cukai pendapatan akan dikenakan ke atas lebihan aktuari yang sebenarnya dipindahkan kepada Kumpulan Wang Pemegang Saham dan tidak berdasarkan kepada prinsip terakru. Langkah ini akan menggalakkan syarikat insurans hayat mengekalkan lebihan aktuari dalam Kumpulan Wang Hayat supaya dapat digunakan untuk pembangunan jangka panjang industri tersebut. Bagi membolehkan pengeluar barang-barang pengguna di Malaysia bersaing dengan pengeluar dari negara-negara ASEAN yang lain, apabila Kawasan Perdagangan Bebas ASEAN (AFTA) dilaksanakan kelak, Kerajaan telah memansuhkan duti eksais untuk peti sejuk, set televisyen dan alat penghawa dingin.

Beberapa langkah percukaian telah juga diperkenalkan semasa pembentangan Belanjawan 1999 dan pada bulan Ogos 1999 untuk memudahkan penstrukturan semula dan pengukuhan sektor kewangan melalui penggabungan serta pengurangan beban kewangan sektor tersebut, akibat peningkatan NPL berikutan krisis yang melanda rantau ini. Bagi menggalakkan penggabungan dalam sektor kewangan, duti setem dan cukai keuntungan harta tanah hasil penggabungan telah diberi pengecualian sekiranya penggabungan tersebut selesai dalam tempoh 24 Oktober 1998 sehingga 30 Jun 1999. Namun, faedah cukai ini telah

dilanjutkan sehingga 30 Jun 2000. Satu lagi faedah cukai yang disediakan untuk menyokong program penggabungan ialah dengan pengiktirafan 50% daripada kerugian terkumpul institusi perbankan yang akan diambilalih untuk diambilkira dalam pengiraan cukai yang akan dibayar oleh entiti gabungan melalui kredit cukai. Walau bagaimanapun, faedah kredit tersebut hanya boleh digunakan dalam tempoh dua tahun selepas penggabungan disempurnakan.

Bagi membantu institusi kewangan, Kerajaan telah memutuskan untuk tidak mengambil kira 50% daripada jumlah akaun faedah tergantung sebagai pendapatan yang dikenakan cukai bagi tahun taksiran 1999 dan 2000. Pendapatan daripada akaun ini hanya akan dikenakan cukai setelah faedah tersebut diperolehi.

Krisis kewangan serantau telah memperlihatkan perlunya meningkatkan rizab luar negara kepada tahap yang mencukupi bagi membolehkan negara berdaya tahan dalam menghadapi kejutan kewangan. Berhubung dengan ini, beberapa langkah telah diperkenalkan sejak pembentangan Belanjawan 1999 untuk memperkukuhkan lagi kedudukan imbalan pembayaran. Langkah-langkah tersebut adalah seperti berikut:

- (i) kerugian yang dialami dalam pengeluaran bahan-bahan makanan yang diluluskan seperti jagung dan lembu dibenarkan untuk dikurangkan daripada keuntungan syarikat dalam kumpulan yang sama bagi tujuan cukai pendapatan. Ia bertujuan untuk menggalakkan penglibatan sektor korporat dalam pengeluaran makanan secara komersil untuk menggantikan import. Insentif ini terpakai bagi permohonan yang diterima sebelum akhir tahun 1999;
- (ii) pengecualian daripada cukai pendapatan untuk perolehan 'sewa berasaskan masa' dan 'sewa berasaskan pelayaran'. Ini adalah untuk membangunkan lagi industri perkapalan dan juga meningkatkan muatan perkapalan Malaysia dalam usaha menangani bayaran bersih perkhidmatan fret yang tinggi;
- (iii) peruntukan pengecualian cukai pendapatan bagi aktiviti bot persiaran dan pembaikan serta penyenggaraan kapal layar di Langkawi bagi tempoh lima tahun. Ini bertujuan untuk mempromosikan Langkawi

sebagai pusat pembaikan dan penyenggaraan serantau bagi bot persiaran dan kapal layar;

- (iv) pengecualian cukai pendapatan ke atas perolehan penyertaan bukan pemastautin daripada persembahan kesenian dan kebudayaan dalam pameran, sukan dan pertandingan;
- (v) pengecualian cukai sebanyak 50% ke atas pendapatan yang diperolehi dari penganjuran aktiviti sukan, pertunjukan kebudayaan, pameran kesenian dan pesta yang melibatkan penyertaan negara asing;
- (vi) pengecualian cukai hiburan ke atas tiket masuk bagi menyaksikan persembahan kebudayaan dan seni, pameran, pesta dan pertandingan sukan yang diadakan di Kompleks Sukan Negara, Panggung Negara, Balai Seni Lukis Negara dan Dewan Philharmonik Petronas; dan
- (vii) pengecualian cukai jualan ke atas barangan yang dijual oleh syarikat-syarikat Malaysia semasa pesta jualan yang diluluskan di Kompleks Sukan Negara, Bukit Jalil.

Langkah-langkah tambahan cukai, khusus bagi menarik pelancong ke negara ini, juga diperkenalkan. Ini termasuk peruntukan pengecualian penuh cukai pendapatan ke atas pendapatan pemandu dan 50% pengecualian cukai pendapatan dari penganjuran *Formula One* dan lain-lain jenis perlumbaan motor yang diiktiraf di peringkat antarabangsa yang diadakan di Malaysia. Insentif-insentif ini bertujuan untuk mempromosi perlumbaan *Formula One* dan lain-lain perlumbaan kereta dan motosikal di Malaysia dalam usaha menarik pelancong asing. Pengalaman di beberapa negara Eropah menunjukkan sukan-sukan tersebut dapat menarik jumlah pelancong yang ramai. Bagi menggalakkan lagi Malaysia sebagai pusat pelancong membeli-belah Kerajaan, pada 22 Mei 1997, telah memansuhkan kesemua duti import untuk berbagai barangan kulit seperti beg pakaian dan beg perhiasan wanita dan kasut. Sebagai langkah untuk menggalakkan pelancongan dalam negeri serta mengawal aliran keluar wang, pengecualian cukai ke atas jenis-jenis manfaat bukan wang dalam bentuk perjalanan percuma ke luar negeri kepada kakitangan telah dihadkan pada tahap maksimum RM3,000 berikutan pembentangan Belanjawan 1999. Namun demikian, pengecualian cukai pendapatan bagi perjalanan

percutian dalam negeri dikekalkan sehingga tiga kali ganda.

Memandangkan jangkaan kekurangan hasil pada tahun 1999, akibat peruntukan pengecualian dan insentif cukai serta penguncupan ekonomi dalam tahun 1998 yang memberi kesan ke atas kutipan cukai langsung dalam tahun 1999, kadar cukai yang lebih tinggi telah dikenakan ke atas beberapa barangan dan aktiviti untuk meningkatkan hasil. Ini melibatkan minuman keras, perjudian, pertaruhan, kasino, rokok dan tembakau. Peningkatan cukai ke atas barangan tersebut adalah juga merupakan suatu cara menggalakkan gaya hidup yang lebih sihat.

### **Pembiayaan Belanjawan 1999**

Dalam membiayai defisit fiskal tahun 1999, pertimbangan dibuat supaya sektor swasta tidak tersisih dari memperolehi dana dan, pada masa yang sama, mengurangkan negara dari terdedah kepada hutang luar. Memandangkan negara mempunyai dana yang berlebihan hasil daripada lebihan akaun semasa imbalan pembayaran yang besar pada tahun 1998 dan 1999, maka sebahagian besar defisit fiskal tahun 1999 dibiayai melalui sumber bukan inflasi dalam negeri serta baki tunai tahun 1998 yang dibawa ke hadapan.

### **Dasar Kewangan**

Pendekatan dasar kewangan ialah saling melengkapi dasar fiskal dalam menyokong proses pemulihan ekonomi, di samping mengekalkan kestabilan harga dan kadar faedah benar yang positif untuk penabung. Bagi menggalakkan pemulihan ekonomi, kadar faedah yang rendah adalah diperlukan untuk merangsang perbelanjaan dalam negeri serta mengurangkan kos pembiayaan aktiviti ekonomi. Justeru itu, Bank Negara Malaysia (BNM) telah mengurangkan kadar faedah campur tangan 3-bulan daripada 7.00% kepada 6.50% pada 5 April 1999 dan seterusnya kepada 6.00% pada 3 Mei 1999 dengan mengambilkira kadar inflasi yang sederhana.

Pengurangan sebanyak 100 mata asas dalam kadar faedah campur tangan 3-bulan BNM telah berhasil mengurangkan kadar faedah antara bank 3-bulan sebanyak 240 mata asas daripada 5.70% pada akhir bulan Mac 1999 kepada 3.30% pada

akhir bulan Jun, berikutan peningkatan mudah tunai yang berterusan dalam sistem perbankan hasil lebih perdagangan luar yang besar. Justeru, bank perdagangan dan syarikat kewangan telah mengurangkan kadar pemberian pinjaman asas (BLR) mereka kepada purata 7.24% dan 8.50% pada akhir bulan Jun daripada 8.04% dan 9.50% pada akhir bulan Mac 1999. Berikutan dengan itu, bank perdagangan menurunkan kadar faedah purata deposit tetap mereka daripada lingkungan 5.39% - 5.44% pada akhir bulan Mac kepada lingkungan 3.75% - 3.80% pada akhir bulan Jun. Penurunan kadar faedah purata deposit tetap syarikat kewangan pula ialah daripada lingkungan 5.69% - 5.90% kepada lingkungan 3.78% - 3.97% dalam tempoh yang sama. Penurunan BLR serta keadaan ekonomi yang lebih baik telah mendorong peningkatan jumlah pinjaman yang diluluskan, iaitu sebanyak RM25 bilion, dan pembayaran, iaitu sebanyak RM78.1 bilion, dalam suku kedua berbanding dengan RM20.5 bilion dan RM77.5 bilion dalam suku pertama tahun 1999.

Bagi merangsangkan permintaan dalam negeri dan mengurangkan kos pembiayaan aktiviti ekonomi, BNM telah mengurangkan lagi kadar faedah campur tangan 3-bulan sebanyak 50 mata asas kepada 5.50% pada 9 Ogos 1999. Justeru, bank perdagangan dan syarikat kewangan turut mengurangkan BLR mereka kepada purata 6.79% dan 7.95% pada bulan Ogos 1999. Kadar ini kekal hingga akhir bulan September. Tahap BLR ini adalah tahap terendah yang pernah dialami. Kadar deposit tetap purata bank perdagangan kekal di antara 3.75%-3.79%, manakala kadar deposit tetap purata syarikat kewangan berada dalam lingkungan yang lebih luas sebanyak 3.77%-4.08% pada akhir September. Kadar deposit tetap terus melebihi kadar purata inflasi sebanyak 3% dalam tempoh sembilan bulan pertama tahun 1999 dan 2.1% pada bulan September. Ini mencerminkan dasar Kerajaan untuk mengekalkan kadar faedah benar yang positif bagi mengurangkan kesan kadar faedah yang rendah terhadap golongan yang bergantung kepada pendapatan faedah dari deposit sebagai sumber pendapatan, khususnya wargatua.

Institusi perbankan, mulai 5 Januari 1999, tidak dibenarkan membiayai pembangunan rumah kediaman dan kedai baru yang melebihi nilai RM250,000 seunit. Ini adalah untuk memastikan pinjaman tidak disalurkan kepada pembangunan segmen hartanah yang berlebihan penawaran. Walau bagaimanapun, langkah ini tidak

menjejaskan pembiayaan akhir pembelian rumah kediaman dan bukan kediaman yang telah siap ataupun yang sedang dibina. Sebaliknya, institusi perbankan digalakkan untuk menyediakan pembiayaan akhir ini bagi membantu mengurangkan stok hartanah yang sedia ada, agar pemulihan sektor pembinaan dan lain-lain sektor yang berkaitan dapat dipercepatkan.

## **Mengukuhkan Sektor Perbankan**

Dalam sektor perbankan, tumpuan dasar adalah untuk mengukuhkan sistem perbankan dari segi kestabilan sistemik dan keberkesanan dalam menjalankan fungsi perantaraan. Dalam mengukuhkan sistem perbankan, kemajuan ketara telah dicapai dalam menangani masalah NPL, permodalan semula institusi perbankan serta penyusunan semula hutang korporat yang besar yang boleh menjejaskan kedudukan sistem perbankan. Agensi pengurusan aset, Danaharta, telahpun menyelesaikan tugas utamanya, iaitu pembelian NPL sistem perbankan, menjelang akhir bulan Jun 1999. Pada tarikh tersebut, ia mengambilalih NPL bernilai RM17.785 bilion dengan diskaun purata 57% ke atas nilai kasar NPL. Pada masa yang sama, Danaharta juga telah menguruskan NPL yang bernilai RM21.541 bilion. Ini menjadikan jumlah keseluruhan NPL yang diuruskan oleh Danaharta bernilai sebanyak RM39.326 bilion. Jumlah NPL yang diambil alih oleh Danaharta daripada sistem perbankan bernilai RM30 bilion, manakala RM7.9 bilion lagi diperolehi daripada institusi bukan kewangan dan institusi luar pesisir. Kesemua NPL ini merangkumi 2,272 akaun daripada 66 institusi kewangan dan melibatkan 1,780 peminjam. Menjelang 26 Ogos 1999, sebanyak RM1.01 bilion pinjaman telah ditebus. Bagi melengkapkan tugas Danaharta, CDRC telah selesai skim-skim penstrukturan syarikat yang melibatkan hutang berjumlah RM11.4 bilion menjelang akhir September 1999.

Danamodal juga telah menyelesaikan tugas mempermodalkan semula institusi perbankan pada awal bulan Mei 1999 dengan melaburkan RM6.4 bilion ke dalam 10 buah institusi perbankan. Antara tugas susulan Danamodal adalah menstruktur semula kunci kira-kira dan operasi institusi perbankan dan memudahkan penggabungan institusi ini bagi menyokong usaha pengukuhan sistem perbankan.

## **Pembangunan Pasaran Bon Ringgit Korporat**

Pelan Pemulihan Ekonomi Negara telah mengenalpasti pergantungan yang keterlaluan terhadap sumber pembiayaan sektor perbankan sebagai satu faktor penyumbang kepada krisis kewangan pada tahun 1997. Bagi mengurangkan pergantungan sektor korporat yang keterlaluan kepada sektor perbankan, pembangunan pasaran bon ringgit korporat perlu dipercepatkan. Fungsi pasaran bon tempatan yang baik akan dapat menyediakan sumber pembiayaan alternatif kepada para peminjam serta mengagihkan sebahagian daripada risiko pinjaman yang berkaitan dengan pembiayaan hutang daripada sektor perbankan kepada pihak pelabur. Tambahan pula, pembiayaan projek infrastruktur yang penting bagi pertumbuhan ekonomi adalah lebih sesuai diuruskan menerusi pasaran ekuiti dan bon berbanding hanya melalui pinjaman bank.

Beberapa inisiatif telah diambil pada tahun 1999 bagi meneruskan pembangunan pasaran bon Malaysia. Ini termasuk pelaksanaan Pemindahan Dana dan Sekuriti Elektronik mengikut masa sebenar pada bulan Julai 1999 yang bertujuan menyediakan satu mekanisme yang cekap bagi penyelesaian dan penjelasan hutang sekuriti. Selain itu, penubuhan pelindung jaminan kewangan untuk membantu penerbit sekuriti hutang swasta sebagai alternatif untuk meningkatkan cadangan penarafan sendiri terbitan hutang telah dicadangkan.

Penentu utama kejayaan pembangunan pasaran bon korporat adalah dasar dan rangka kerja pengawalan di dalam pasaran ianya beroperasi. Pembangunan pasaran bon korporat sebelum ini adalah perlahan disebabkan halangan-halangan termasuk proses kelulusan yang melalui pelbagai peringkat di pasaran utama serta ketidakcekan dan ketidakcairan pasaran sekunder. Proses kelulusan pelbagai peringkat di pasaran utama terjadi akibat tiada satu pihak berkuasa yang mengawal, mengawasi dan menggalakkan pembangunan pasaran bon secara bersepadu. Oleh demikian, sebagai langkah permulaan untuk merasionalisasi rangka kerja pengawalan semasa, Kerajaan telah mengumumkan bahawa Suruhanjaya Sekuriti adalah pihak berkuasa ulung bagi menyelia dan mengawal pasaran bon korporat di Malaysia.

Pada masa yang sama, Kerajaan juga menubuhkan Jawatankuasa Pasaran Bon Nasional (JPBN) yang akan menerajui semua usaha pembangunan pasaran bon korporat di Malaysia. Mandat JPBN ialah:

- menyediakan keseluruhan hala tuju dasar serta merasionalisasi rangka kerja pengawalan bagi pembangunan pasaran bon korporat secara tersusun;
- menjalankan kajian terperinci ke atas isu-isu berkaitan dengan perkembangan pasaran bon; dan
- mengenalpasti strategi-strategi pelaksanaan yang sesuai berdasarkan perakuan kajian yang dijalankan.

JPBN dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha Perbendaharaan dengan keahliannya terdiri daripada BNM, Unit Perancang Ekonomi, Pendaftar Syarikat, Suruhanjaya Sekuriti dan Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL). Manakala peserta pasaran yang berkaitan akan juga dijemput menganggotai Jawatankuasa apabila diperlukan. JPBN telah mewujudkan tiga Kumpulan Kerja, iaitu Jawatankuasa Pembaharuan Perundangan dan Pengawalan yang dipengerusikan oleh Suruhanjaya Sekuriti, Jawatankuasa Pembangunan Produk dan Institusi yang dipengerusikan secara bersama oleh BNM dan Suruhanjaya Sekuriti, dan Kumpulan Kerja Infrastruktur dan Operasi dipengerusikan oleh BSKL. Kerajaan menerusi Kementerian Kewangan beriltizam merasionalisasi sepenuhnya rangka kerja pengawalan pasaran bon korporat secara segera.

## **Memperkukuhkan Piawai Pengurusan Korporat**

Usaha meningkatkan keyakinan dalam pasaran modal terus menjadi sebahagian daripada keseluruhan strategi untuk memulihkan ekonomi negara. Lanjutan daripada itu, tumpuan khusus diberi kepada isu-isu berkaitan dengan keutuhan pasaran modal seperti pengurusan korporat dan ketelusan. Pada bulan Februari 1999, Kerajaan telah menerima Laporan Mengenai Pengurusan Korporat yang mencadangkan pembangunan Kod Pengurusan Korporat Malaysia. Kod ini menetapkan satu set prinsip dan amalan terbaik untuk pengurusan korporat; perakuan untuk mengukuhkan rangka kerja pengawalan



keseluruhan bagi syarikat-syarikat awam yang disenaraikan serta mempertingkatkan mekanisme pengawalan sendiri bagi menggalakkan pengurusan yang baik; dan penyediaan latihan serta pendidikan terutamanya bagi pengarah syarikat menjalankan tanggungjawab sebagaimana yang wajar. Dalam menggalakkan ketelusan pasaran modal, Suruhanjaya Sekuriti telah melaksanakan sistem pengawalan berasaskan penzahiran tiga fasa yang bertujuan meningkatkan penzahiran maklumat oleh pihak syarikat dan bagi memperbaiki kualiti, ketepatan masa dan kesesuaian maklumat tersebut serta meningkatkan akauntabiliti peserta pasaran. Pindaan kepada keperluan agihan pemegang saham dan penyebaran jangkaan serta ramalan keuntungan dalam dokumen awam, yang pada asalnya dijadualkan pelaksanaannya dalam fasa ketiga, telah dipercepatkan mulai April 1999. Usaha segera ke arah mempertingkatkan keutuhan pasaran modal adalah bagi mengukuhkan keyakinan terhadap pasaran modal. Ini seterusnya akan membantu pemulihan ekonomi memandangkan prestasi pasaran saham yang bertambah baik akan meningkatkan permintaan dalam negeri melalui kesan kekayaan yang positif.

## Memastikan Pematuhan Y2K

Mengenai masalah global pepijat alaf baru, Kerajaan telah mengambil langkah-langkah proaktif dalam menangani masalah Y2K. Menjelang akhir bulan Ogos 1999, semua industri perbankan dan insurans negara telah mencapai status persediaan Y2K. Kerajaan telah memakai guna pendekatan piawai antarabangsa bagi mengurus risiko Y2K di sektor kewangan. Piawai tersebut telah disediakan oleh Bank Penyelesaian Antarabangsa serta lain-lain organisasi seperti *Federal Financial Institutions Examination Council*, Amerika Syarikat dan sebuah badan gabungan institusi kewangan swasta, iaitu *Global 2000*. BNM telah menyelaras proses ujian Y2K secara terperinci bagi memastikan sistem perbankan negara mematuhi persediaan Y2K. Di samping langkah-langkah persediaan Y2K, satu pelan pelanjutan urus niaga yang menyeluruh telah disediakan bagi meminimumkan sebarang gangguan akibat masalah Y2K. BNM telah juga menubuhkan Pusat Kawalan Y2K bagi memantau dan menguruskan isu-isu berkaitan dengan pepijat alaf dalam sektor kewangan dan perbankan.

Begitu juga dengan Suruhanjaya Sekuriti, usaha-usaha telah ditingkatkan sejak tahun 1997 bagi memastikan pasaran modal dan perantara serta syarikat-syarikat awam yang disenaraikan mengambil langkah-langkah persediaan yang diperlukan dalam menghadapi tahun 2000. Institusi pasaran seperti pasaran bursa, syarikat penjelasan, depositori pusat dan syarikat terbitan telah melaksanakan sistem persediaan Y2K, menyempurnakan ujian dalaman dan luaran dengan terperinci dan sedang memberi tumpuan ke atas ujian tambahan serta rancangan kontigensi. Pengantara pasaran seperti firma broker saham, syarikat pengurusan unit amanah dan pengurusan aset, telah mencapai pematuhan Y2K yang baik dalam beberapa bulan kebelakangan ini. Hampir semua syarikat tersebut telah menyempurnakan Program Tahun 2000 dan bersedia menghadapi tahun baru. Sebilangan kecil masih lagi dalam proses menyempurnakan ujian dan pelaksanaan sementara menunggu pengesahan persediaan Y2K daripada pihak luar. Dalam menangani masalah Y2K, peserta-peserta pasaran perlu mempunyai rancangan kontigensi yang baik dan teruji. Dengan ini, ia dapat menyediakan suatu kaedah yang berupaya bertindak balas terhadap kehilangan atau penghakisan perkhidmatan penting di dalam sistem berautomasi serta mengekalkan fungsi-fungsi penting bagi operasi pasaran dan, seterusnya, mengekalkan keyakinan para pelabur dan peserta pasaran. Satu Rancangan Kontingensi Y2K Pasaran Modal telah dibentuk untuk menangani berbagai kemungkinan yang boleh menyebabkan gangguan meluas di pasaran serta mengenalpasti langkah kontingensi yang perlu diambil oleh institusi-institusi berkaitan.

## Kesan Inisiatif Dasar

Inisiatif dasar yang diambil oleh Kerajaan, yang antara lain bertujuan mencergaskan semula ekonomi, mempertingkatkan daya tahannya terhadap risiko sistemik serta mengukuhkan sistem kewangan, telah menghasilkan kesan positif.

Pada tempoh suku kedua tahun 1999, KDNK sebenar telah mencatat kadar pertumbuhan positif sebanyak 4.1%, setelah mengalami penguncupan secara mendadak sebanyak 10.9% pada suku ketiga tahun 1998. Pertumbuhan ini didorong terutamanya oleh perkembangan pesat sektor pembuatan yang mencatatkan kadar pertumbuhan dua angka pada bulan Jun hingga Ogos 1999.

Sebahagiannya, pertumbuhan ini adalah hasil rangsangan fiskal dan penambahan keyakinan pengguna, yang mana tercermin oleh peningkatan jualan barangan pengguna seperti kereta penumpang dan motosikal serta import barangan penggunaan yang kukuh dalam tempoh suku kedua dan ketiga tahun 1999.

Permintaan luar negeri juga meningkat dengan ketara. Pertumbuhan eksport dalam nilai AS\$ meningkat pada purata 26% pada bulan Julai dan Ogos 1999. Ini mencerminkan daya saing sektor luar, hasil daripada kestabilan nilai ringgit. Peningkatan import sejak bulan April 1999 menunjukkan pemulihan positif pertumbuhan permintaan agregat. Memandangkan eksport terus melebihi import, Malaysia telah mencatatkan lebih perdagangan yang besar selama 22 bulan berturut-turut sejak November 1997 sehingga Ogos 1999. Lebih perdagangan luar dalam tempoh lapan bulan pertama tahun 1999 berjumlah RM46.2 bilion berbanding lebih sebanyak RM32.5 bilion dalam tempoh yang sama tahun 1998.

Lebih perdagangan luar yang besar ini telah membolehkan rizab luar negara meningkat kepada RM119.3 bilion atau AS\$31.4 bilion (bersamaan 6.5 bulan import tertangguh) pada akhir September 1999, daripada RM81.5 bilion atau AS\$21.5 bilion (bersamaan 4 bulan import tertangguh) pada akhir September 1998. Dengan penurunan hutang luar jangka pendek kepada kira-kira AS\$7.5 bilion, kedudukan rizab luar negara pada akhir bulan September 1999 adalah melebihi empat kali ganda berbanding dengan hutang luar jangka pendek. Ini mencerminkan pengukuhan daya tahan ekonomi negara terhadap kemungkinan aliran keluar modal jangka pendek. Pinjaman luar negara adalah pada tahap berhemat. Keadaan ini serta pengukuhan pendapatan eksport membolehkan nisbah khidmat hutang luar negara kekal pada paras yang rendah, iaitu sebanyak 6.2%.

Di sektor perbankan, usaha-usaha oleh Danaharta, Danamodal dan CDRC serta usaha memulihkan ekonomi telah membantu mengukuhkan sistem perbankan. Nisbah modal berwajaran risiko bagi sistem perbankan telah meningkat kepada 12.8% pada akhir bulan Ogos 1999, daripada 11.8% pada akhir tahun 1998 dan 10.5% pada akhir tahun 1997. Paras modal ini jauh lebih tinggi daripada piawaian Basle sebanyak 8%. Nisbah NPL berdasarkan klasifikasi 6 bulan stabil pada kadar 7.9% pada bulan Mac 1999 hingga bulan Julai, sementara nisbah NPL berdasarkan klasifikasi 3 bulan telah berkurangan kepada 12.4% pada akhir bulan Julai 1999 daripada 13.4% pada akhir tahun 1998. Penyusunan semula sektor perbankan telah mengukuhkan fungsi perantaraan perbankan. Ini membolehkan institusi-institusi perbankan menambahkan kelulusan dan pemberian pinjaman.

Berikutan pemulihan ekonomi, peningkatan daya tahan negara terhadap kejutan luar dan kemajuan ketara yang tercapai dalam penyusunan semula sistem perbankan, keyakinan terhadap pasaran kewangan telah meningkat ketara sejak awal bulan September 1998 sehingga 15 Oktober 1999.

Pemulihan ekonomi negara telah diiringi dengan kadar inflasi yang rendah dan penambahan peluang-peluang pekerjaan. Kadar inflasi bagi sembilan bulan pertama 1999 adalah pada purata 3.0%, sementara peluang pekerjaan baru yang dilaporkan kepada Jabatan Tenaga Rakyat setiap bulan telah meningkat pada kadar tahunan 114.4% kepada 12,876 jawatan kosong pada Ogos 1999.

Pendek kata, inisiatif dasar Kerajaan telah memberi kesan positif sepertimana yang diharapkan. Namun begitu, usaha gigih perlu diteruskan bagi menyokong proses pemulihan ekonomi yang lebih luas serta mengukuhkan lagi daya tahan ekonomi negara.